



# **BAB LIMA**

## **5. RUMUSAN DAN SARANAN.**

### **5.1. RUMUSAN.**

Persoalan *naskh* merupakan satu disiplin ilmu dalam Pengajian ‘Ulūm al-Qur’ān yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Begitu juga dengan Ibn al-Jawzī yang mengupas persoalan dengan metod yang jelas dan tepat. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan beberapa rumusan dapat dikemukakan seperti berikut:

- 1) Ibn al-Jawzī merupakan salah seorang ulama’ yang telah hidup di kurun ke 6 H di Baghdad. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dari sudut keilmuan. Sekalipun begitu kehidupan beliau di Baghdad telah mempengaruhi pemikirannya untuk cenderung kepada mazhab Ahmad bin Ḥambal. Pendapat beliau menjadi rujukan bagi pengikut mazhab Ḥambali dan beliau diiktiraf sebagai salah seorang ulama’ dalam mazhab tersebut.
- 2) Ibn al-Jawzī telah menghasilkan banyak buku yang mampu menyampaikan sesuatu persoalan dengan berkesan dan boleh diyakini oleh pembaca. Buku-buku beliau meliputi pelbagai bidang seperti sejarah, hadis, tafsir dan fiqh. Kebanyakkan buku beliau telah diterbitkan dan *ditābqāt* serta berada di pasaran sebagai satu bukti kesinambungan keilmuan beliau.
- 3) Persoalan *nāsikh* dan *mansūkh* telah dibahaskan oleh ulama’ semenjak zaman awal Islam. Perbincangan ini akan berterusan akibat dari perselisihan pendapat

di kalangan ulama' terhadap sesuatu ayat al-Qur'an samada *mansūkh* atau sebaliknya. *Nāsikh* dan *mansūkh* hanya melibatkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan hukum sahaja. Persoalan ini membawa implikasi terhadap sesuatu ayat al-Qur'an samada hukum yang terdapat di dalamnya dibatalkan atau dikenakan amalannya. Perkaitan dengan hukum ini juga memberi satu impak kepada khilaf mazhab yang berpanjangan dan akan terus diperkatakan.

4) Implemnetasi *nāsikh* dan *mansūkh* pada sesuatu ayat al-Qur'an dapat dilakukan dengan metod yang terbaik jika syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama' dapat difahami dan diikuti dengan penuh disiplin. Ini kerana, al-Qur'an yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad merupakan panduan kepada seluruh manusia sepanjang zaman. Hal ini hanya dapat direalisasikan apabila hukum dan panduannya dipatuhi tanpa sebarang penolakan. Syarat-syarat inilah yang mempengaruhi ulama' dalam penentuan samada sesuatu ayat al-Qur'an itu *mansūkh* atau *muḥkam* sehingga telah melahirkan golongan yang terlalu longgar dalam penerimanya dan satu aliran lagi yang menolak konsep ini secara total. Di antara kedua-dua aliran ini muncul aliran bersifat sederhana yang menerima konsep *naskh* apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5) Persoalan *naskh* yang telah dibahaskan sejak zaman awal Islam telah menghasilkan sejumlah karya yang disusun khas untuk membicarakannya. Karya-karya ini mewakili zaman dan aliran yang diikuti oleh penyusunnya. Terdapat karya yang ringkas dengan hanya memuatkan ayat-ayat yang didakwa *mansūkh* dan ayat-ayat yang menjadi *nāsikh* sahaja. Namun terdapat juga ulama'

yang agak kritis dengan mengemukakan analisa yang mantap terhadap persoalan ini seperti Ibn al-'Arabi.

6) Persoalan samada ayat al-Qur'an boleh dimansuhkan oleh hadis adalah di antara syarat-syarat penerimaan *naskh* yang menjadi khilaf di kalangan ulama' Tafsir. Begitu juga dengan Ibn al-Jawzi mempunyai pandangan yang tersendiri dalam hal ini. Menurut beliau, ayat al-Qur'an yang diklasifikasikan *mansūkh* hanya boleh diterima apabila *nāsikh*nya juga adalah ayat al-Qur'an. Ini kerana *nāsikh* mestilah setaraf dengan *mansūkh*. Oleh itu beliau telah menolak pendapat yang mendakwa beberapa ayat al-Qur'an telah dimansukan dengan hadis.

7) Ibn al-Jawzi begitu komited dengan metod yang diasakan oleh beliau dalam perbincangan tentang *naskh*. Keistimewaan dalam hal ini adalah kerana beliau telah mengemukakan pendapat yang berautoriti tentang sesuatu ayat itu sebagai *mansūkh*. Kemudian beliau menganalisa ayat al-Qur'an tersebut untuk diputuskan tentang kebenaran dakwaan *naskh*.

8) Metod utama beliau semasa mengemukakan ayat-ayat yang didakwa *mansūkh* ialah dengan menyebut ayat tersebut menerusi sanad yang diterima oleh beliau daripada guru-gurunya yang bersambung sehingga kepada Sahabat atau *Tabi'īn*. Beliau juga menyebut riwayat yang diambil daripada Ahmad bin Hanbal. Di sini dapat dilihat bahawa metod Ibn al-Jawzi untuk menyatakan ayat-ayat *mansūkh* adalah melalui jalan riwayat yang menyebut tentang pendapat Sahabat dan *Tabi'īn*.

9) Di samping itu Ibn al-Jawzī juga menyebut pandangan beberapa ulama' yang

ulung dalam bidang tafsir seperti al-Suddī dan Muqātil bin Sulaymān terhadap

sesuatu ayat yang dianggap *mansūkh*. Pendapat mereka dikemukakan oleh

beliau sebagai satu gambaran bahawa dakwaan tersebut datang dari pelbagai

sumber yang boleh diyakini.

10) Tafsir *al-Ra'y* memainkan peranan yang amat besar kepada Ibn al-Jawzī

untuk menilai dan seterusnya menentukan samada sesuatu ayat itu *mansūkh* atau

*muḥkam*. Ini kerana, tafsiran ayat mampu memberi satu kefahaman yang tepat

terhadap maksud dan kehendak sesuatu ayat. Dengan kefahaman ini satu-satu

ayat al-Qur'an itu, dapat diambil hukum yang ditetapkan di dalamnya dengan

sebaik mungkin. Sekalipun begitu, beliau turut mengemukakan Tafsir *al-*

*Ma'thūr* iaitu tafsiran Sahabat terhadap sesuatu ayat al-Qur'an dengan matlamat

yang sama.

11) Selain daripada itu, Ibn al-Jawzī juga menggunakan beberapa instrumen

yang lain untuk menolak dakwaan *naskh* pada ayat-ayat al-Qur'an. Antara

metod tersebut adalah dengan mengemukakan pandangan ulama' Tafsir seperti

al-Tabarī, Ibn 'Uqayl dan al-Nahhās tentang dakwaan tersebut. Ayat-ayat al-

Qur'an yang berkaitan dengan hukum pada kebiasannya akan melibatkan khilaf

ulama'. Di sini juga beliau membawa perbezaan pendapat ini untuk melihat

hukum yang tepat bagi ayat al-Qur'an tertentu untuk dinilai kebenaran dakwaan

*mansūkh* terhadapnya.

- 12) Ibn al-Jawzī juga mengemukakan *Asbāb al-Nuzūl* bagi beberapa ayat al-Qur'an yang didakwa *mansūkh*. Metod ini digunakan oleh beliau dengan tujuan untuk mengetahui senario sebenar semasa turunnya ayat tersebut agar hukum yang ada di dalamnya benar-benar difahami. Kefahaman tentang ayat ini telah membantu beliau dalam membuat penilaian untuk menolak dakwaan *mansūkh* pada satu-satu ayat al-Qur'an.
- 13) Istilah *Takhṣīṣ*, *Istithnā'* dan *Khabar* kerap kali disebut oleh Ibn al-Jawzī untuk menolak dakwaan *mansūkh* terhadap sesuatu ayat al-Qur'an. Metod ini digunakan dengan berkesan oleh beliau sebagai satu bukti tentang keilmuannya dalam bidang tersebut. Istilah ini juga menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang amat cermat terhadap persoalan *naskh*.
- 14) Ibn al-Jawzī telah merujuk beberapa hadis dengan metod yang tepat menurut Pengajian Hadis iaitu dengan mengambil dari sumber-sumber yang berautoriti. Beliau juga telah melakukan *takhrīj* terhadap hadis-hadis tersebut dan dinyatakan periwayat-periwayatnya sekali seperti al-Bukhari, Muslim dan al-Dāraqutnī.
- 15) Hanya sebilangan kecil sahaja ayat al-Qur'an yang dihukum *mansūkh* oleh Ibn al-Jawzī berdasarkan metod yang digunakan oleh beliau. Namun masih terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang tidak dapat diputuskan dengan pasti samada *mansūkh* atau *muḥkam* kesan dari tafsiran yang diterima pakai oleh seseorang ulama' tafsir. Ini sebenarnya membuka ruang kajian yang berterusan terhadap konsep ini.

Berdasarkan rumusan yang telah dikemukakan di atas, jelas bahawa Ibn al-Jawzī memang seorang tokoh yang ulung dalam bidang ‘Ulūm al-Qur’ān. Metodologi beliau dalam persoalan *naskh* melambangkan kehebatan keilmuan beliau sebagai satu sumbangan kepada umat Islam.

## 5.2. SARANAN.

Dari kajian dan analisa penulis terhadap metodologi Ibn al-Jawzī dalam *nāsikh* dan *mansūkh* berdasarkan buku Nawāsikh al-Qur’ān, penulis ingin utarakan beberapa saranan yang diharap akan dapat memberi sedikit sumbangan terhadap pengajian ‘Ulūm al-Qur’ān. Di antara saranan-saranan tersebut ialah:

### 5.2.1. Saranan Kepada Ulama’.

1) Buku-buku tulisan ulama’ silam seharusnya dikaji tentang metodologi mereka agar pendapat mereka dapat difahami dengan tepat. Ini kerana latar belakang kehidupan mereka banyak mempengaruhi mereka dalam menetapkan sesuatu hukum. Begitu juga setiap ulama’ mempunyai kaedah dan metodologi mereka yang tersendiri dalam penyusunan sesebuah buku. Mereka juga mempunyai prinsip tersendiri dalam membuat penilai terhadap sesuatu perkara.

2) Persoalan *nāsikh* dan *mansūkh* hanya boleh diperbincangkan oleh mereka yang benar-benar dapat menguasai ilmu tafsir. Kepada ulama’ yang mahu

membicarakan tentang *naskh*, mereka perlulah memahami setiap maksud ayat al-Qur'an dan tafsirannya. Dalam masa yang sama semua syarat dalam penentuan *naskh* perlu diraikan dan diperhalusi agar mereka tidak terkeliru dengan istilah yang lain.

3) Sebelum menerima atau menolak dakwaan ayat al-Qur'an yang *mansūkh*, maka seseorang ulama' itu perlu melihat aliran pemikiran orang yang mengemukakan dakwaan tersebut terlebih dahulu. Ini kerana para Salaf dan ulama' yang sealiran dengan mereka menggunakan istilah *mansūkh* secara umum meliputi *takhṣīṣ* dan *istisnā'*. Sedangkan istilah yang terpakai pada hari ini menetapkan bahawa *naskh* ialah pembatalan hukum yang terdapat dalam sesuatu ayat dengan kedatangan ayat yang terkemudian daripadanya.

### **5.2.2. Saranan Kepada Umat Islam.**

- 1) Dakwaan bahawa ayat *al-sayf* dan ayat *al-qitāl* sebagai *nāsikh* bagi semua ayat yang berkaitan dengan muamalah terhadap orang kafir perlu diperhalusi kerana realitinya hukum tersebut amat berat untuk dilaksanakan oleh umat Islam pada hari ini. Umat Islam pada hari banyak bergantung kepada orang kafir terutama dalam hubungan keselamatan dan perdagangan.
- 2) Sewajarnya semua pihak berlapang dada dalam menerima perselisihan pendapat dalam menentukan sesuatu hukum. Dalil yang menjadi asas kepada sesuatu hukum perlu dikaji dan dianalisa agar ia dapat difahami dengan

sewajarnya. Hanya dengan penelitian ini sahaja mampu melahirkan umat Islam yang bersatu kerana mereka menerima atau menolak sesuatu hukum berdasarkan dalil dan bukannya akibat taksub kepada seseorang.

### **5.2.3. Saranan Kepada Fakulti Pengajian Islam.**

1) Pengajian tentang *nāsikh* dan *mansūkh* sewajarnya diwujudkan sebagai satu disiplin yang tersendiri di peringkat Universiti dengan memasukkan kajian teks sebagai sukanan pelajarannya. Dengan ini, para pelajar akan didedahkan dengan metodologi seseorang pengarang dan kepentingan asas-asas ilmu tafsir dapat dilihat di sini.

Sumbang saran yang telah diutarakan di atas hanya akan menampakkan impaknya jika ia diambil sebagai satu tanggung jawab oleh semua pihak yang berkenaan. Keutuhan ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an khususnya dan Pengajian Islam umumnya akan menjadi hebat jika ia diikuti sebagai satu amanah Allah kepada umat Islam untuk menjaga agama-Nya.